

Kembara Sahur dari Besut ke Kuala Nerus

KUALA NERUS 5 Jun - Sebanyak 200 pek juadah diagihkan sepanjang perjalanan sejauh lebih 100 kilometer dalam program Kembara Sahur Persatuan Kakitangan Pengurusan dan Profesional (Pengemudi) Universiti Sultan Zainal Abidin (Unisza) baru-baru ini.

Seramai 10 ahlinya berlepas dari Ladang Pasir Akar, Besut mulai 11 malam dan singgah di 20 lokasi untuk mengagihkan juadah kepada golongan sasar sehingga ke kampus Unisza di sini.

Pengerusi Pengemudi Unisza, Mohd. Termizi Aziz berkata, pro-

gram buat kali ketiga itu merupakan sebahagian daripada gerak kerja kemasyarakatan sempena Ramadan oleh pihak persatuan.

"Ini bagi mendekati umat Islam dalam pelbagai lapangan kerjaya yang terpaksa bekerja pada waktu malam, dan tidak dapat bersahur bersama keluarga.

"Antara lokasi persinggahan kami adalah stesen minyak, balai polis, kedai serbaneka dan hospital sehingga ke kampus perubatan Unisza di pusat bandar," katanya kepada pemberita di sini.

Beliau berkata, pemberian juadah nasi beriani, minuman air dan

kurma itu ternyata mengejut namun menceriakan penerima yang tidak menyangka bahawa mereka diberi perhatian.

Sementara itu, seorang pegawai keselamatan, Mohd. Alif Afizi, 29, berkata, kehadiran anggota persatuan itu yang mengedarkan pek sahur di tempat kerjanya sedikit-sebanyak menggembirakan buat kakitangan di situ.

"Rasa agak terharu sebab masih ada yang prihatin terhadap kalaangan yang bekerja hingga dinihari pada bulan Ramadan sehingga adakalanya tidak sempat pun bersahur," ujarnya.



BARISAN petugas Pengemudi Unisza yang menjayakan program Kembara Sahur dari Besut ke Kuala Nerus, Terengganu, baru-baru ini. -UTUSAN/AMARUDIN HAMZAH